

Warga Kg Bariawa Ulu didedah penyalahgunaan dadah

UB 16.8.2019 81

KENINGAU: Program Komuniti Bersama Pelajar SPDA Borneo Psikologi Kaunseling dan Pemulihan Dadah UMS telah berjaya dilaksanakan di Kampung Bariawa Ulu, di sini, baru-baru ini.

Pihak Jawatankuasa Masjid Somadul Mukhlisin Bariwa Ulu dan Kelab Rukun Tetangga (KRT) Bariawa Utara telah bersetuju melaksanakan program berkenaan dan telah menjemput para pegawai dari Kota Kinabalu.

Pengerusi Penganjur Juspin Sizan berkata, pihak penganjur telah menjemput beberapa pegawai dari pelbagai jabatan di Ibu Negeri antaranya Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM, PDRM, UMS dan ATM.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada para




JUSPIN

penceramah yang telah sudi datang ke Kampung Bariawa Ulu.

Dalam ucapan aluannya, beliau berkata program itu sangat bertepatan dengan keadaan kemajuan dan teknologi sekarang yang terlalu mudah kepada masyarakat, sama ada dalam bandar maupun di luar bandar, dapat memperolehi maklumat yang baik dan buruk.

“Dengan kehadiran para pegawai yang mempunyai kepakaran masing-masing ke kampung ini, bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat penting kepada masyarakat bahkan juga memberikan pelbagai mesej mengenai keburukan penyalahgunaan dadah,” katanya.

Turut berucap pada majlis itu ialah Ketua Kampung



UNTUK KENANGAN: Bergambar bersama penceramah.

Bariawa Ulu Sanusi Tundou yang mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jabatan yang datang ke program bersama penduduk di kampung berkenaan, yang bukan sahaja untuk memberikan ilmu dan panduan baik, tetapi juga dapat beramahmesra bersama penduduk kampung.

Katanya, kehadiran para penceramah yang berpengalaman berhubung dadah adalah satu cara yang baik bagi mencegah

penggunaan dadah.

Memulakan ceramah ialah Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM Mad Sapri Tumiran, yang menyampaikan maklumat mengenai penggunaan ubat-ubat yang berlebihan dos serta pembelian secara ‘online’.

Disusuli pula dengan penceramah dari PDRM, ASP Ali Husin Sahina yang membentangkan undang-undang berkaitan dadah dan

jenayah.

Ustaz Md Razali Saibin seorang pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UMS telah diberikan tanggungjawab untuk menghuraikan berhubung hukum dadah dalam Islam.

Wakil Angkatan Tentera Malaysia(ATM), Mejai Ismail Merah bertanggungjawab memberikan penerangan berhubung laluan pemulihan dadah di Malaysia, peranan AADK, rawatan dan pemulihan, keburukan

pengambilan dadah serta kerohanian dan keagamaan kepada penagih.

Definisi mengenai dadah, asal dadah dan akta dadah telah dipertanggungjawabkan kepada pihak PDRM yang telah disampaikan oleh ASP Ali Sahina.

Turut hadir, Pengerusi Masjid Kampung Bariawa Ulu Apandy Kasimin dan Pengerusi KRT Bariawa Utara Mohd Dahlani Bari serta masyarakat kampung berkenaan.



USTAZ MD RAZALI